



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

WARGA BERTAKWA, NEGARA SEJAHTERA

Tarikh Dibaca:

**1 SYAABAN 1446H /
31 JANUARI 2025**

**Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذَا قِيلَ لَهُمْ كُنْزُوا لَهُمْ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

WARGA BERTAKWA, NEGARA SEJAHTERA

31 JANUARI 2025 / 1 SYAABAN 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾ (سورة الأعراف)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Warga Bertakwa, Negara Sejahtera**”.

Kita sudah memasuki Bulan Syaaban, yang bererti hanya tinggal lebih kurang 29 hari sahaja lagi untuk kita memasuki Ramadan. Maka persiapkanlah diri kita dari sekarang

dengan segala kelengkapan untuk memasuki Madrasah Ramadan. Semoga kita semua direzekikan untuk bertemu dengan Ramadan tahun ini. Insya-Allah.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Negeri atau negara yang diberkati ialah sebuah tempat yang penduduknya hidup dalam keadaan harmoni, sejahtera, dan dilimpahi dengan nikmat daripada Allah SWT. Keberkatan tidak hanya terletak pada kekayaan material, tetapi juga melibatkan kebahagiaan, keamanan, dan keadilan yang dirasakan oleh seluruh lapisan masyarakat. Bagi kita umat Islam, kita berkeyakinan bahawa keberkatan sesebuah negeri atau negara itu bergantung kepada keimanan dan ketakwaan penduduknya.

Mengambil maksud dari Surah al-A'raaf ayat 96 yang saya bacakan pada mukadimah khutbah tadi, bahawa Allah SWT berfirman:

“Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

Menurut Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam Tafsir al-Munir, kenikmatan dan kebaikan tersebut berupa hujan dan mengeluarkan segala nikmat dan kebaikan dari bumi seperti tanam-tanaman, barang galian, harta benda dan sebagainya. Allah SWT juga akan memberikan mereka ilmu pengetahuan untuk memahami sunnah-sunnah yang terjadi di alam ini. Dengan kata lain, seandainya mereka beriman, nescaya Allah SWT akan memudahkan untuk mereka segala bentuk kebaikan dari atas dan bawah mereka, dari diri dan fikiran mereka. Hal ini menunjukkan bahawa iman yang benar merupakan faktor kebahagiaan dan kemakmuran.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Sesebuah negeri yang makmur dan sejahtera memiliki ciri-ciri seperti;

1. Keadilan dan Kesaksamaan

Sebuah negeri yang diberkati mestilah mempunyai sistem pentadbiran yang adil dan saksama. Adil dengan maksud, pemimpin berintegriti dan rakyatnya sentiasa

patuh kepada undang-undang. Dari Abu Said al-Khudri *radhiallahu anhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَحَبَّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَقْرَبُهُمْ مِنْهُ مَجْلِسًا إِمَامٌ عَادِلٌ
وَإِنَّ أَبْغَضَ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَشَدَّهُ عَذَابًا إِمَامٌ جَائِرٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya manusia yang paling dicintai Allah Azza wa Jalla dan yang paling dekat tempat duduknya pada hari kiamat ialah pemimpin yang adil, manakala manusia yang paling dibenci oleh Allah dan paling jauh tempat duduknya pada hari kiamat ialah pemimpin yang zalim”. (Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

2. Kemampanan Spiritual dan Fizikal

Kepesatan dan kemajuan sesebuah negeri hendaklah seiring dengan mampannya keimanan dan amalan hidup beragama. Tidak ada nilainya jika negeri itu maju, tetapi rakyatnya jauh terpesong dari landasan Allah SWT atau hidup dalam kemaksiatan dan kemungkaran yang ditegah oleh Allah SWT. Kedua-dua aspek ini sangat penting untuk melahirkan rakyat yang sejahtera secara holistik.

3. Toleransi Dalam Kepelbagaian

Kepelbagaian yang wujud dalam sesebuah negeri atau negara merupakan *sunnatullah* yang menunjukkan Maha Bijaksananya Allah SWT. Sungguhpun kita berkeyakinan tinggi kepada akidah Islam yang tulus, ia bukanlah penghalang kepada kita untuk berinteraksi dan berbuat baik kepada penganut agama lain yang menghuni di negeri ini. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mumtahanah ayat 8:

﴿لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ

اللَّهُ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN,

Setiap negara ada jantungnya. Bagi Malaysia, Wilayah Persekutuan diumpamakan seperti jantung yang memiliki peranan terpenting dalam memacu kestabilan dan kesejahteraan negara seluruhnya. Dengan kerjasama dan komitmen erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, negara ini dapat terus berkembang pesat dan berdiri teguh dari aspek ekonomi, kesejahteraan sosial, pendidikan, teknologi dan sebagainya.

Maka, bersempena **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025** yang disambut pada 1 Februari setiap tahun, marilah pertama-tamanya, kita menzahirkan rasa syukur atas segala nikmat kurniaan Allah SWT dengan tetap tekun melaksanakan segala perintah-Nya, meninggalkan segala larangan-Nya dan berterusan melaksanakan *amar makruf* dan *nahi munkar*. Allah SWT berfirman dalam Surah at-Taubah ayat 71:

﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ

عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan solat dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

Marilah juga kita teguhkan mentaliti kita untuk terus mempertahankan semangat kebersamaan warga dan meningkatkan kerjasama yang erat dalam kalangan masyarakat bagi memacu pembangunan Wilayah Persekutuan khususnya yang serba moden, lestari, maju dan sejahtera serta buat Negara Malaysia. Bersama-samalah kita memelihara keindahan dan kebersihan negeri dan negara ini seluruhnya.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya rumuskan beberapa kesimpulan;

Pertama: Keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT merupakan elemen terpenting dalam meraih keberkatan dan rahmat dari Allah SWT.

Kedua: Pembangunan fizikal yang diusahakan hendaklah seiring dengan kesejahteraan spiritual iaitu tentang keyakinan dan amalan hidup beragama supaya ia akan berperanan memandu masyarakat kepada jalan yang benar lagi diredhai.

Ketiga: Setiap pihak berperanan penting dalam memastikan kesejahteraan negara dan ingatlah juga bahawa setiap kita akan dihitung amalan dan perbuatan ketika hidup di dunia ini.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah ar-Ra'du ayat 11:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ ۚ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ۚ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءَ أَفْلًا مَرَدَّدًا ۖ وَلَهُمْ مِّنْ دُونِهِ ۖ وَمِنْ أَلٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapaupun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾ (٥٦)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ د-فَرْتَوَانْ اَكُوغْ سُلْطَانْ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاغْ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، رَاغْ زَارِيْثْ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظِمُ لَكُمْ تِلْكَ الْأُمُورَ ۖ تَذَكَّرُونَ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.